

# Pegawai tinggi lain bagaimana?

KUALA LUMPUR, Sabtu — Satu sumber politik yang rapat dengan Kementerian-Kementerian berkata, para Menteri dan Timbalan mereka pada amnya tidak begitu hirau dengan langkah penjimatan yang akan dikenakan terhadap kereta-kereta rasmi kegunaan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik.

Menurut sumber itu, ramai yang berpendapat perkara itu adalah sebahagian kecil dari usaha penjimatan yang sedang dijalankan oleh kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir. Sudah tentunya bila persoalan kereta Menteri disebut ia akan cepat menarik minat ramai.

Tetapi, hakikat sebenarnya le-

bih banyak perkara lain yang lebih penjimatan ini, kata sumber itu.

Menjadi perkara biasa, bila sesuatu langkah seperti gerakan penjimatan dilancarkan akan bermula dari pucuk pimpinan. Biasanya, langkah demikian tidak akan menimbulkan rasa ketidakadilan.

Tambah sumber itu, keadaan yang sama juga berlaku di Amerika Syarikat baru-baru ini, bila Presiden Reagan memulakan langkah penjimatan dari dalam kerajaannya sendiri, kemudian menjalar ke peringkat yang lebih bawah.

Setakat ini, belumlah jelas apakah langkah yang dicadangkan itu akan dikenakan

kepada Menteri atau Setiausaha Politik yang baru dilantik. Atau apakah kereta-kereta rasmi sekarang akan diganti.

Kepastian juga tidak didapati samada langkah terhadap kereta rasmi para Menteri itu akan juga melibatkan penggunaan kereta-kereta rasmi pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Dalam perkhidmatan tentera dan polis pula, pemerintah-pemerintah batalion, briged, dan pemerintah yang lebih tinggi diberikan kereta-kereta rasmi dari jenis Volvo 244 atau Volvo 264.

Kebanyakan para Menteri yang dihubungi, enggan mengulas. Beberapa menteri kabinet yang lain pula tidak dapat dihubungi.